

# INSAFLAH...! JIKA MAHU INSAF

## PERINGATAN KEPADA CARA RU'YAH DI SINGAPURA

Rencana ini bukanlah suatu rencana yang membaca tentang masalah di antara ru'yah dan hisab yang telah heboh dibaca terutamanya di dalam bulan Ramadhan yang lalu didalam akhbar-akhbar itu tetapi adalah ia dibuat semata-mata membawa perhatian kepada menetapkan ru'yah yan berjalan di Singapura khususnya, yang dengannya patut pula mendapat perhatian di seluruh semenanjung amnya terutama kepada ahli-ahli yang menetapkan bahawa berpuasa dan berhari raya hendaklah dengan ru'yah.

### CUAI

(oleh Ahmad Lutfi)

Kebiasaannya, untuk menetapkan sehari bulan Ramadhan itu maka sekurang-kurangnya terlebih dahulu hendaklah orang-orang yang bergantung itu menetapkan dengan ru'yah sehari bulan Rejab dan sehari bulan Syaaban dan daripada ketetapan itulah dapat ia mensebatkan satu hari bulan Ramadhan dengan ru'yah kemudian jika tak nampak maka mencukupkan Syaaban itu kepada tiga puluh hari sebagaimana yang diperintahkan itu – tidak ada bulan 31 hari.

Telah biasa dijalankan bahawa apabila dapat ditetapkan bulan Rejab dan dapat ditetapkan ru'yah bulan Syaaban kemudian perkiraan itu sesuai dengan hisab dan Syaaban pada masa itu menurut perhitungan hisab 30 maka menurut pendapatan ini tidak dikehendaki ru'yah lagi dan boleh ditetapkan awal Ramadhan dengan tidak payah mengambil ru'yah daripadanya. Yang demikian ini telah dijalankan di Indonesia dalam menetapkan puasanya tahun ini iaitu setelah mereka menetapkan Rejab dan Syaaban itu 30 maka dengan tidak mengambil ru'yah lagi ia berpuasa pada hari Ahad.

Dengan keterangan-keterangan yang di atas ini maka menentukan ru'yah itu adalah sangat mustahak dan mempunyai tanggungjawab yang besar bagi mereka yang mas'ul atasnya jika mereka berpegang kepada ru'yah maka menentukan sehari bulan tiap-tiap bulan dengan ru'yah itu terutamanya lagi tiga bulan sebelum Ramadhan itu adalah sangat-sangat mustahak dan menjadi

satu pekerjaan yang mempunyai tanggungjawab yang besar – bukan satu pekerjaan yang boleh dicuai-cuaikan atau dibuat endah tak endah sahaja atau pun dengan hanya sambil lewa jua.

Inilah perkara yang saya pandang menjadi satu perkara yang sangat mustahak diperhati oleh mereka yang berkenaan dan yang telah menetapkan dirinya bertanggungjawab menetapkan masa berpuasa itu. Sebab-sebabnya saya katakan begitu ialah apabila saya mendapati dan mengetahui cara menetapkan sehari bulan di Singapura ini tidaklah ia nampaknya dipandang sebagai suatu pekerjaan yang sebenar-benarnya mempunyai tanggungjawab bahkan ada yang mengatakan mereka itu semata-mata hanya keras kepala berpegang kepada fahamnya sahaja dengan tidak menjalankan usaha-usaha yang wajib dijalankan untuk menetapkan sehari bulan Ramadhan terutamanya di dalam masa Ramadhan yang akhir ini yang di dalamnya kedegilan itu ditunjukkan sangat dengan tidak mencari usaha untuk menunaikan tanggungjawab yang maha besar itu.

Adalah dikatakan orang yang ditetapkan untuk menentukan awal Rejab dan Syaaban itu kononnya kalau membaca surat sejengkal pun tak dapat lebih daripada hidungnya dan tatkala ia menetapkan sehari bulan khabarnya hanya naik di menara masjid sahaja dan jahil pula menentukan kedudukan-kedudukan dan arah di mana bulan itu terbit – dikanannya mataharikah atau dikirinya serta berapa saatnya dan berapa tingginya yang dapat dilihat serta arah mata angin mana kedudukannya pada masa itu. Mereka menentukan sehari bulan sebelum ramadhan itu

(sambungan di muka 38)

Ertinya : Kamu terlebih tahu berkenaan dengan hal kerja-kerja dunia kamu”. Yang demikian nyatalah suatu keterangan lagi menunjukkan ia cukup cermat tentang mengenal dan menghadkan kadar dirinya. Maksudnya ia lebih mahir pada perkara-perkara yang berhubung dengan akhlak dan selok belok pengajaran untuk kehidupan pihak rohani dan bolehlah ditanya dia dalam segala hal perkara itu; tetapi tentang perkara-perkara yang khas, bagi perkerjaan dunia seperti bertanam pokok kurma dan menebangnya, menyasiat rahsia-rahsia alam kejadian dan menggunakannya rahsia-rahsia itu, maka mereka sendiri boleh berfikir dan terlebih tahu bagaimana mengerjakannya. Maka dengan sebab ia betul mengenal kadar dirinya ini dan betul pula menggunakannya segala kelebihan yang telah dikurniakan Tuhan kepadanya itu bagi faedah dan kebajikan umum bukan bagi faedah dan kebajikan dirinya ia telah mencapai makam kejiwaan yang tertinggi sekali dunia akhirat dengan tiada tolak bandingnya pada mata sekalian orang Islam.

---

(sambungan muka 5)

tidak sekali-kali menjalankan usaha sebagaimana yang dijalankan mereka menetapkan sehari bulan Ramadhan dan Syawal.

Kemudian setelah diambil ketetapan yang diputuskan oleh orang yang dikatakan demikian itu keadaannya maka baharulah mereka menetapkan sehari bulan Ramadhan dan mengambil ru'yah pada masa-masa yang ditentukan mereka pergi beramai-ramai – ada yang ke laut dengan kapal ada yang ke bukit dan sebagainya – dan orang-orang yang dihantarkan itu jahil pula tidak mengetahui terlebih dahulu kedudukan-kedudukan bulan yang hendak dilihatnya bahkan tujuan setengah-setengahnya pergi itu seakan-akan pergi “picnic” makan-makan berbuka puasa sambil pula menghadapi daun terup.

Dengan demikian ini maka sudah tentu orang bertanya beginikah cara berketanggungan yang dijalankan oleh orang-orang yang dikatakan mas'ul itu. Dengan pendapatan dan ikhtiyar cara inikah “ulama-ulama” Singapura akan berdegil mendirikan jajahan dan mendirikan kemahuannya? Tidak dibahas sebegitu panjang ru'yah guna dan hisab

Kata syair Arab :

*Balighal'ali bikamalih \* kasyfa al-daja bijamalih*

*Hasnati jami'a khatolah \* Solawa 'alaihi wa alih*

Ertinya : “Ia telah dapat mencapai ketinggian dengan sifat kesempurnaannya: telah dapat memecahkan gelap gelita jadi terang benderang dengan sinar kecantikkannya; indah permai segala sifat-sifat semula jadinya: berselawatlah kamu sekalian yakni doakanlah berkat dan rahmat kasih sayang Tuhan, di atasnya dan di atas segala keluarganya.” Seperti firman Tuhan di dalam Al-Quran (*Innallaha wamalaikatahu yusolluna alannabi ya ayyuhallazhina amanu yusollu alaihi wasallimu taslima* (Surah Al-Ahzab 56))  
Ertinya : “Bahawasanya Allah Taala dengan segala malaikatnya berselawat atas Nabi Muhammad itu. Hai segala orang yang beriman, berselawatlah kamu akan dia (di atas) dan doa selamat sepenuh-penuhnya.”

Sekianlah dahulu pada kali yang lain insha-Allah di sambung pula berkenaan dengan kewajiban-kewajiban yang lagi tinggal itu Wassalam.

---

sekiranya kita menjalankan ikhtiyar-ikhtiyar yang tetap dan berperaturan serta dengan cukup segala ikhtiyar dan caranya dengan dijalankan oleh orang-orang yang memang ahlinya yakni yang dapat menentukan arah, masa, untuk melihat anak bulan tiap-tiap bulan – bukannya bulan ramadhan sahaja.

Dengan keadaan-keadaan yang tersebut di atas ini patutlah kita peringatkan pada setiap masa – orang yang diserahkan pekerjaan menentukan awal tiap-tiap bulan itu yang pertama orangnya ikhlas, kedua matanya terang, ketiga mengetahui terlebih dahulu mata angin dan arah serta saat kedudukan bulan pada msa itu apabila yang demikian itu sempurna insha-Allah tidak akan berselisih di antara hisab dengan ru'yah dan apabila kita dapati 30 hari bulan sedang 30 hari bulan yang sesuai pada permulaannya tadi maka tidaklah payah kita melihat bulan apabila bulan sudah tiga puluh hari iaitu bulan penuh. Mudah-mudahan makalah ini akan dapat perhatian umum khususnya kepada pegawai yang memegang mohor raja-raja Melayu bagi mengeluarkan perintah yang tepat kepada tiap-tiap negeri untuk menentukan sehari bulan tiap-tiap bulan oleh orang-orang yang ahli yang mengukur arahnya lebih dahulu.